

Masalah dalaman MCA sudah selesai — Dr. M

UM 27 MAY 2002

PUTRAJAYA 26 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap masalah dalaman MCA telah pun selesai apabila kedua-dua pihak yang bertelagah bersetuju untuk tidak mengadakan pertandingan pada pemilihan parti itu bulan depan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, baginya masalah MCA selesai, setelah mesyuarat bersetuju supaya tidak ada pertandingan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan pe-

gawai pengiringnya, Fazilah Lazim di Precint 9 di sini hari ini.

Beliau juga enggan menengulas spekulasi terbaru berhubung pengunduran Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek daripada jawatan politik.

Dr. Mahathir juga turut menyangkal dakwaan kononnya beliau telah menerima surat yang mengandungi persefahaman bagi menyelesaikan krisis MCA daripada kedua-dua pemimpin tersebut.

“Saya tidak dapat apa-apa pun. Saya pun belum

pergi pejabat lagi. Saya tidak tahu (kata ada persefahaman). Dia orang lebih tahu daripada saya.

“(Bagi saya) masalah MCA selesai sudah apabila mesyuarat setuju tidak ada pertandingan,” katanya.

Ruangan *Awang Sulung Mingguan Malaysia* hari ini melaporkan sungguhpun perang besar di antara Team A pimpinan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Team B pimpinan Datuk Lim Ah Lek kelihatan sudah reda, masih terdengar bermacam-macam cerita.

Ada pihak termasuk Liong Sik sendiri difahamkan tidak senang dengan pelan

damai yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir kerana disifatkan sebagai campuran tangan UMNO dalam hal ehwal rumah tangga MCA.

Dalam ruangan tersebut, Awang Sulung berpendapat mungkin satu jalan keluar kepada krisis kepimpinan yang berlarutan dalam MCA ialah dengan Liong Sik dan Ah Lek sama-sama mengundur diri.

Ditanya pandangan beliau berhubung pandangan tersebut, Perdana Menteri menyifatkannya ia sebagai perkara lain.

“Itu kira lain. Tak payahlah runding dalam akhbar,” katanya.